**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**24 Sep2021 (Friday)**

**Utusan Malaysia**
Contohi negeri lain kekalkan istana lama 1

**Harian Metro**
Air mata Man Kidal gugur kenang nasib 2
Bintang pujaan ramai kini asnaf 3

**Sinar Harian**
Manfaatkan kelonggaran pembukaan masjid, surau 4
MAIS sedia ambil tindakan tegas 5
MBPJ lanjut tempoh bayar cukai taksiran hingga 31 September ini 6

**Selangor TV**
MPKJ Bantu Pekerja Kilang Warga Asing Terima Vaksin 7

**The Star**
Crematorium proposed for Ampang Jaya 8
Amicable relocation of shrine resolves dispute 9

**New Straits Times**
Selangor ruler dissapointed with anti-vaxxers among Jais staff 10
FOOD AID PROGRAMME BY MALAYSIAN HOTEL ASSOCIATION SELANGOR CHAPTER 11

**EdgeProp.my**
Renovation: Get it right from the start 12

**China Press**
Together to fight the pandemic and protect seedling. 13

**Guang Ming Daily**
Subang city council issued 30 summons for cars parked on sideways resulting in traffic congestion 14
Thief stole underground cable, telecom services affected for local residents, while pothole presents danger 15

**Malaysia Nanban**
96 religious teachers refuse get vaccinated? Selangor Sultan disappointed 16

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR<br>24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Contohi negeri lain kekalkan istana lama |
| Muka Surat | : | 29 |

# Contohi negeri lain kekalkan istana lama

**TELUK INTAN:** Pencinta sejarah di daerah ini menyambut baik keputusan Kerajaan Negeri Perak menangguhkan cadangan menjual tanah yang menempatkan Istana Raja Muda Perak di sini untuk tujuan komersial dan pembangunan bercampur.

Ahli Jejak Warisan Teluk Intan, Saiful Rezal Mohd. Razali berkata, keputusan itu memberikan harapan untuk bangunan di kawasan seluas kira-kira dua hektar itu diselamatkan.

Kata beliau, pihaknya juga menyambut baik keputusan kerajaan untuk menjalankan kajian terhadap istana lama itu.

"Keputusan kerajaan menangguhkan lelongan tanah dan istana lama ini amat melegakan kami dan berharap kerajaan membuat pertimbangan sewajarnya untuk memastikan istana ini dikekalkan.

"Istana ini mempunyai warisan sejarah yang tinggi bukan sahaja kepada rakyat di Teluk Intan tetapi juga sejarah Kesultanan Perak. Kami berharap apa juga kajian yang dilakukan terhadap istana ini, warisannya perlu dipulihara," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Saiful Rezal, antara cadangan yang perlu dipertimbangkan oleh kerajaan negeri ialah menjadikan Istana Raja Muda Perak itu sebagai warisan pelancongan.

Katanya, dalam hal ini kerajaan Perak boleh mengambil contoh pemuliharaan Istana Kampung Gelam di Singapura yang mengalami transformasi dengan kerajaan Singapura masih mengekalkan bangunan Istana tersebut serta dipelihara seni binanya.

"Sungguhpun Kesultanan Melayu di negara itu sudah tidak wujud, tetap warisan sejarahnya dikekalkan. Kewujudan istana tersebut menceritakan segalanya," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri Selangor juga mengekalkan warisan diraja dengan memulihara Istana Bandar di Banting.

"Malah, istana lama di Klang iaitu Istana Jemaah ditukar peranan menjadi Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS). Ia bertujuan mengekalkan nilai warisan bangunan sejarah kesultanan negeri itu," katanya.

Semalam, Menteri Besar, Datuk Saarani Mohamad mengumumkan kerajaan negeri Perak menangguhkan pelaksanaan tender untuk menjual tanah seluas dua hektar yang menempatkan istana lama Raja Muda di Jalan Syed Abu Bakar di Teluk Intan.



SAIFUL REZAL MOHD. RAZALI

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Air mata Man Kidal gugur kenang nasib |
| Muka Surat | : | 7 |

# Air mata Man Kidal gugur kenang nasib

**Kuala Lumpur:** Pemain gitar terkenal, Man Kidal pula mengalirkan air mata selepas berdepan kesempitan hidup akibat tidak bekerja hampir dua tahun selain positif Covid-19 bersama isterinya, Norlaila Yusof pada Julai lalu.

Penderitaannya mendapat perhatian Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang mengkategorikannya sebagai asnaf sementara.

Isterinya Norlaila Yusof berkata, mereka amat bersyukur kerana diberikan bantuan untuk tempoh setahun.

"LZS bagus kerana ambil berat berkenaan artis. Ramai artis menolak apabila nak dibantu dengan alasan malu nanti keluar akhbar. Apa nak malu dah memang kita susah.

"Bukanlah kami susah sampai tak makan langsung tapi mereka bantu dari segi kos sara hidup. Lagipun abang Man memang tiada tawaran persembahan buat masa ini," katanya kepada Harian Metro.

> **Buat masa ini memang tiada pendapatan. Mereka pun faham keadaan kami**
> Man Kidal

Norlaila berkata, mereka menyerahkan kepada LZS berkenaan status mereka selepas ini.

"Semuanya atas kita. Kalau kita dah okay, kita cakap jujurlah. Kalau dah boleh kerja semula dan pendapatan stabil, kami pasti serahkan kepada LZS untuk menilai.

"Namun, buat masa ini memang tiada pendapatan. Mereka pun faham keadaan kami. Mereka tolong apa yang patut dan bantu berikan wang bulanan serta bayarkan rumah.

"Kita minta pun bukan untuk selama-lamanya. Kalau dah okay kita pulang balik dan bagilah pada orang lain pula," katanya bersyukur kerana kata-kata cemuhan masyarakat sudah tiada.



MAN Kidal bersama sumbangan LZS diterimanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

QUALITY SYSTEM SIRIM
IQNet
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KORPORAT INTEGRITI & MESRA

| **KERATAN AKHBAR<br>24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Bintang pujaan ramai kini asnaf |
| Muka Surat | : | 7 |



Harian Metro

RASAI BERITA SEBENAR

KITA MALAYSIA #BaikSemula

30 TAHUN Metro

KESUKARAN HIDUP MENDAPAT PERHATIAN PIHAK BERKUASA AGAMA

# ARTIS ASNAF

Dulu mereka pernah meniti zaman kegemilangan dan menjadi kegilaan peminat. Namun, akibat pandemik Covid-19 menyebabkan mereka berdepan masalah kesukaran hidup, populariti merudum, kewangan, kemalangan dan kesihatan hingga kini berstatus asnaf. Ini hakikat yang dilalui lima artis iaitu Man Kidal, Ali XPDC, Shima, Tok Ki dan Alina Hassan, namun semua itu dianggap sebagai takdir, lapor Ridzuan Abdul Rahman

MS7

lokal

# Bintang pujaan ramai kini asnaf

***Lima penggiat seni alami kesukaran harungi hidup***

**Oleh Ridzuan Abdul Rahman**
mohamadridzuan@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Ada yang bersimpati dan berkongsi perasaan sedih terhadap kesusahan yang menimpa artis pujaan mereka.

Namun, sebaliknya tidak kurang juga yang mengeji dan melahirkan pelbagai kata-kata kurang manis dan keterlaluan.

Itu hakikat yang perlu ditelan oleh lima penggiat seni iaitu Man Kidal, Ali XPDC, Shima, To'ki dan Alina Hassan yang kini berstatus asnaf.

Mereka yang pernah meniti zaman kegemilangan suatu ketika dulu kini berdepan kesukaran hidup akibat masalah populariti yang merudum, kewangan, kesihatan, kemalangan dan jangkitan virus Covid-19.

Penularan Covid-19 dan insiden melecur 30 peratus di tangan dan muka selepas disambar api pada 26 Mac tahun lalu mengubah hidup penyanyi kumpulan XPDC, Ali, 53.

Ali kemudian dibantu Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sementa, Dr Daroyah Alwi yang membantunya mendapatkan bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi menampung perbelanjaan mendapatkan rawatan selain kehilangan pendapatan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu.

Sejak itu Ali yang mempunyai lima anak bergelar asnaf dan bantuan kekal diberikan sehingga sekarang.

"Syukur LZS berikan bantuan sebanyak RM600 sebulan. Ia amat diperlukan untuk rawatan saya sebelum ini dan kelangsungan hidup," katanya.

Kos rawatan Ali yang dimasukkan ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada 2 September lalu kerana masalah semput dan lemah jantung sebanyak RM2,500 turut ditanggung LZS.

> "Syukur LZS berikan bantuan sebanyak RM600 sebulan
> Ali XPDC

"Tak sangka mereka akan selesaikan kos sampai jumlah itu. Saya memang tiada wang untuk rawatan. Pengerusi Madrasah UlumulQuran Wal Ahadith (Al-Muqwa) bawa saya ke PPUM dan sanggup tanggung kos sebab keadaan saya yang teruk," katanya.

Ali berkata, dia sebenarnya berpeluang untuk menghasilkan drama dalam projek membabitkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) dengan anggaran kos RM15,000 namun tidak sempat berbuat demikian kerana masalah kesihatan.

"Saya tak sempat buat *pitching* kerana kebetulan hari itu saya dimasukkan ke wad. Insya-Allah pada lain masa saya boleh lagi bekerjasama dengan mereka.

"Saya akan terus terima bantuan LZS kecuali apabila saya boleh berdikari semula. Selepas itu saya pasti akan beritahu mereka. Apabila keadaan sudah kembali biasa, kitalah pula bayar zakat.

"Doakanlah semoga dugaan ini akan berakhir. Orang nak cakap biarlah. Kalau nak dengar sangat memang jenuhlah," katanya

Menurutnya, terdapat juga segelintir pihak mempertikaikan bantuan zakat yang diterimanya sedangkan dia memiliki kereta jenama mahal.

Namun, Ali menjelaskan kereta terbabit dihadiahkan kepadanya oleh satu pihak membabitkan projek bersama XPDC sebelum ini.



ALI ketika mendapatkan rawatan di PPUM.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Manfaatkan kelonggaran pembukaan masjid, surau |
| Muka Surat | : | 16 |

# Manfaatkan kelonggaran pembukaan masjid, surau

**BERITA** gembira buat umat Islam di Selangor hari ini setelah sekian lama menunggu, akhirnya 1,000 jemaah dibenarkan menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Bagi masjid-masjid lain pula, seramai 500 jemaah dibenarkan untuk menunaikan solat Jumaat.

Perkembangan itu dimaklumkan menerusi satu edaran dalaman yang dikeluarkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) berkuat kuasa pada Rabu sehingga satu tempoh ditentukan kelak.

Selain masjid, kelonggaran juga diberikan kepada surau-surau bagi menunaikan solat fardu susulan Selangor telah beralih ke Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Malah, negeri-negeri lain pun sudah mula melonggarkan bilangan jemaah di masjid dan surau, sesuai dengan perkembangan semasa Covid-19 di negeri masing-masing.

Sebelum ini, isu solat Jumaat hangat diperkatakan apabila ramai mengharapkan kelonggaran diberikan seperti juga kebenaran untuk tempat-tempat pelancongan.

Tidak cukup dengan itu, timbul pula dakwaan tidak elok terhadap pengurusan masjid seperti mengutamakan golongan VIP dan kluster kayangan sehingga tular di laman sosial dengan komen-komen negatif.

Kontroversi sebegini sebenarnya memberi imej tidak baik kepada institusi masjid yang sepatutnya dihormati. Ia perlu ditangani dengan toleransi dan bukan emosi. Diharap selepas ini tiada lagi kedengaran kontroversi melibatkan rumah ibadat.

Masjid sudah terbuka luas sedikit, terpulang kepada orang ramai untuk datang beramai-ramai mengimarahkannya. Yang penting, kena jaga prosedur operasi standard (SOP) kerana Covid-19 masih belum berakhir.

Seperti kata Pengarah JAIS, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad sebelum ini, Sultan Selangor telah membuka ruang kepada seluruh jemaah dengan kelonggaran yang diberikan dan ia sewajarnya dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Manfaat tersebut bukan sahaja dengan meningkatkan jumlah jemaah solat Jumaat tetapi memenuhi masjid ketika solat fardu dan aktiviti lain.

Jangan hanya lantang bersuara mendesak masjid-masjid dibuka tapi tidak muncul untuk menunaikan solat Jumaat dan fardu berjemaah.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | MAIS sedia ambil tindakan tegas |
| Muka Surat | : | 25 |

# MAIS sedia ambil tindakan tegas

Terhadap guru KAFA, AJK masjid dan surau yang masih berdegil tidak mahu mengambil vaksin Covid-19

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA), Anggota Jawatankuasa (AJK) masjid dan surau serta Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam yang masih berdegil tidak mahu mengambil vaksin Covid-19.

**TOLAK VAKSIN COVID-19**

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, MAIS sentiasa menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj yang berdukacita kerana hanya 203 orang daripada 873 orang daripada kalangan mereka mengambil suntikan pada sesi program vaksinasi khas, 'Covid-19 Frontliner Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)' di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada Rabu.



ABDUL AZIZ

Justeru beliau berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang dilantik oleh pihak MAIS mengikut lunas undang-undang.

"Pihak MAIS juga akan memberi kerjasama dan bantuan kepada kerajaan negeri Selangor untuk memastikan tindakan tegas juga diambil terhadap individu yang dilantik oleh kerajaan negeri.

"MAIS juga ingin menegaskan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 9 Februari lalu telah memutuskan bahawa hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus dan ia wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan," katanya dalam satu kenyataan.

Abdul Aziz berkata, keputusan dibuat Jawatankuasa Fatwa itu juga selaras dengan Maqasid Syariah dalam Islam iaitu hifzu al-nafs, memelihara nyawa.

Jelas beliau, MAIS turut kecewa dengan tindakan individu yang tidak mengambil suntikan vaksin Covid-19 walaupun pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak JAIS.

FOTO: BERNAMA



Guru-guru sekolah di bawah kelolaan JAIS, penolong pendaftaran pernikahan, pegawai-pegawai masjid serta Ahli Jawatankuasa masjid hadir menerima suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin Khas (PPV) di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada Rabu.

"MAIS memandang serius berhubung perkara itu kerana terdapat sejumlah besar daripada golongan berkenaan berada di bawah seliaan MAIS sebagai pihak berkuasa utama berhubung pentadbiran agama Islam, selepas Sultan Selangor.

"MAIS menggesa kepada semua masyarakat Islam di negeri ini untuk mengambil tindakan bersama dengan mengambil suntikan vaksin Covid-19 seperti saranan Kementerian Kesihatan dalam memerangi penularan pandemik dan seterusnya melancarkan lagi pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | MBPJ lanjut tempoh bayar cukai taksiran hingga 31 September ini |
| Muka Surat | : | 25 |

# MBPJ lanjut tempoh bayar cukai taksiran hingga 31 September ini

**PETALING JAYA -** Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melanjutkan tempoh bayaran cukai taksiran bagi Julai-Disember 2021 sehingga 30 September ini.

Unit Komunikasi Korporat MBPJ dalam satu kenyataan memaklumkan, pemilik harta dinasihat menjelaskan bayaran sebelum tempoh itu bagi mengelak dikenakan sebarang denda.

Menurut kenyataan itu, operasi keseluruhan kaunter utama bayaran dan perkhidmatan di Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin ditutup bagi kerja-kerja naik taraf dan ubah suai.

"Orang awam boleh membuat bayaran di kaunter lobi Menara MBPJ, kaunter cawangan di Pejabat Cawangan MBPJ, No 19-1, Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5, Prestige Kota Damansara dan mesin kiosk bayaran di Ibu Pejabat dan Menara MBPJ.

"Pemilik harta juga boleh menyemak dan mendapatkan salinan bil cukai taksiran di *https://ecukai.mbpj.gov.my/mbpjesalinanbil* atau perkhidmatan bayaran secara dalam talian menggunakan aplikasi eCukai@MBPJ atau portal bayaran ePay@MBPJ," menurut kenyataan itu pada Khamis.

Kenyataan itu berkata, operasi di kaunter utama bayaran dan perkhidmatan di Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin juga ditutup bermula 20 September 2021 sehingga 25 Julai 2022.

> *Operasi keseluruhan kaunter utama bayaran dan perkhidmatan di Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin ditutup bagi kerja-kerja naik taraf dan ubah suai."*

Tambah kenyataan itu, operasi kaunter bayaran dan perkhidmatan akan diteruskan di Menara MBPJ bermula jam 8 pagi hingga 2 petang (Isnin hingga Khamis), manakala Jumaat sehingga jam 12 tengah hari.

"Pengguna juga boleh menggunakan perkhidmatan mesin kiosk ibu pejabat dan Menara MBPJ bermula jam 8 pagi hingga 9 malam setiap hari. Manakala pejabat cawangan Petaling Jaya Utara terhad kepada janji temu sahaja.

"MBPJ mengajak orang ramai khususnya penduduk di Petaling Jaya untuk menggunakan perkhidmatan secara dalam talian sepenuhnya bagi memudahkan pelanggan berurusan tanpa perlu keluar rumah dan transaksi boleh dibuat pada bila-bila masa, tanpa terikat pada waktu pejabat sahaja," kata kenyataan itu.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Selangor TV |
| Tajuk Berita | **:** | MPKJ Bantu Pekerja Kilang Warga Asing Terima Vaksin |
| Muka Surat | **:** | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | The Star |
| Tajuk Berita | **:** | Crematorium proposed for Ampang Jaya |
| Muka Surat | **:** | 2 |

# Crematorium proposed for Ampang Jaya

## Feasibility study to be carried out on 4ha Bukit Antarabangsa site

By **SHALINI RAVINDRAN**
shaliniravindran@thestar.com.my

A PROPOSED location for a crematorium has been identified in Bukit Antarabangsa, which happens to be the first such facility in Ampang Jaya, Selangor.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) has proposed to build the crematorium on a 4ha land in between Taman Wangsa Ukay and Taman Andaman Ukay.

According to MPAJ, the site is currently gazetted as a Chinese/Buddhist burial site and the land can be used for a crematorium.

Selangor local government, public transportation and new village development committee chairman Ng Sze Han said this was only a proposed site and a feasibility study would be done before any plans were finalised.

"The plot has been reserved as a burial site since the 1950s and is even in MPAJ's local plan.

"At the moment, this is the only suitable location for such a facility," he said after a site visit.

He stressed that new technologies and methods would be employed to minimise disturbances to surrounding areas.

"It will not be possible to avoid proximity to any development as Ampang Jaya is a saturated area," he explained.

"But, through careful design and planning, we can reduce disruption to residents," he added.

Allaying concerns of nearby residents, MPAJ president Mohd Fauzi Mohd Yatim said it would not be too close to homes as there was sufficient buffer zone between the site and surrounding residential areas.

"It is a large site and we can allocate a wider buffer zone.

"A feasibility study will be completed by next year and it will take about two years to build if the project goes through," he said, adding that no budget had been allocated for the project yet.

Ng welcomed residents' feedback as all parties would need to work together to see the project to fruition.

"The Covid-19 pandemic has shown that it is important to have such facilities in place.

"Which is why the state government has instructed all local councils to identify and allocate a budget to build a crematorium within their area," he said.

During a state assembly session last month, the Selangor government announced that three more crematoriums would be built in the state with a two-year date of completion target.

Planning permission for two crematoriums in Ijok and Jeram under Kuala Selangor Municipal Council and another in Mukim Beranang by Kajang Municipal Council (MPKj) have been approved.

Currently, there are seven crematoriums in Selangor — two each under Shah Alam City Council and Petaling Jaya City Council, and one crematorium each under Subang Jaya City Council, Klang Municipal Council and Sepang Municipal Council.

There are two other proposed crematoriums on a 2.02ha land in Jalan Serdang Belah, Sungai Buaya in Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat, as well as in Mukim Hulu Kelang, Ampang.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Amicable relocation of shrine resolves dispute |
| Muka Surat | : | 13 |

# Amicable relocation of shrine resolves dispute

THE Kanni Amman shrine in Negri Sembilan which was mistakenly built on a piece of land allocated for a mosque will be relocated, *Makkal Osai* reported.

Repah assemblyman Veerapan Subramaniam said the 60-year-old Murugan temple in the former Chinna estate was given an alternate piece of land because of redevelopment.

Three years ago, the temple committee built the Kanni Amman shrine on the piece of land not realising it had been allocated to the Islamic Affairs Department in 2012.

Following a discussion with the district land office and state executive councillor Arul Kumar Jambunathan, the temple committee agreed to rectify the mistake and relocate the shrine, Veerapan said.

The matter has been amicably resolved and should not be turned into a controversy to confuse the public, the assemblyman urged.

> Activists and NGOs have objected to a move to turn a parking area in front of the Hindu cemetery in Ampang, Selangor, into a recycling centre, *Makkal Osai* also reported.

Action team coordinator and MIC central working committee member K. Sathasivam said the cemetery on Jalan Kolam Air is the only one in the area serving the Hindu community.

There are more than 600 remains interred at the 1.4ha cemetery since it was gazetted in the 1960s.

The small parking area in front of the cemetery can only cater to about 20 to 25 cars, which already causes congestion during religious festivals and special prayer events when families visit the graves to pay their respects.

Sathasivam said the decision by the Ampang Jaya Municipal Council to convert the area into a recycling centre is shocking and inhumane.

He said the council must immediately stop the construction work, which has already started despite the objections.

Complaints made to the police, the council and the Malaysia Hindu Sangam have yielded no results so far, he added.

Sathasivam said an idea to put up a small hut on the open land in front of the cemetery to facilitate funeral rites during a downpour also had to be abandoned because of the construction work.

He urged officials and political leaders to intervene in the matter urgently without turning it into a political issue.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | New Straits Times |
| Tajuk Berita | : | Selangor ruler dissapointed with anti-vaxxers among Jais staff |
| Muka Surat | : | 14 |

# Selangor ruler disappointed with anti-vaxxers among Jais staff

NORZAMIRA CHE NOH
**SHAH ALAM**
bhnews@bh.com.my

SULTAN of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah expressed his disappointment when he was informed that only 203 out of 873 *fardhu ain* and *kifayah* (KAFA) teachers, mosque committee members and marriage officials in the state had attended the Covid-19 vaccination programme for the Selangor Islamic Religious Department's (Jais) frontliners on Wednesday.

In a statement on the Selangor Royal Office's Facebook account, 96 of those who attended the programme rejected the vaccine.

Sultan Sharafuddin said a decision would be made soon on the Jais frontliners who refused to get vaccinated.

The statement stated that the matter upset the sultan because it would make life difficult for the public, particularly schoolchildren who will take part in KAFA lessons once schools reopen.

The sultan said that various initiatives were implemented to ensure the wellbeing of Muslims in the state.

According to the statement these included the sultan himself urging people to get vaccinated against Covid-19 and making it easier for mosque committee members and Jais staff to get inoculated against the virus.

Following this, Jais will present the names of those who refused to get vaccinated to Sultan Sharafuddin today.

Jais director Datuk Mohd Shahzihan Ahmad said: "Yesterday (Wednesday), The sultan had asked me to present all the facts about the vaccination programme, especially those who did not attend it, for discussion on action to be taken against them."

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | New Straits Times |
| Tajuk Berita | : | FOOD AID PROGRAMME BY MALAYSIAN HOTEL ASSOCIATION SELANGOR CHAPTER |
| Muka Surat | : | 28 |






# FOOD AID PROGRAMME

## BY MALAYSIAN HOTEL ASSOCIATION SELANGOR CHAPTER



Datin Jasmine Abdullah Heng

**SINCE the outbreak of Covid-19 in Malaysia, the tourism industry had been one of the worst affected. The severity of the pandemic has seen the entire nation going through various phases of lockdown, restricted movement and closed borders; effectively impending any further sustainability efforts for the survival of the tourism industry.**

To date, 120 hotels in Malaysia have either temporarily or permanently closed down and the hospitality industry has lost over RM6.5 billion in revenue last year and likely another RM9 billion or more this year. This translated to thousands of people in the hospitality industry struggling to survive and feed their families as many have lost their jobs or on minimal pay not to mention having to cope with both mental and health stresses.

Acknowledging the hardship of the fellow hoteliers and the uncertainty of the hotel industry due to the prolonged crisis, Malaysian Hotel Association Selangor Chapter (MAH), once again, rose to the occasion and with the support of Selangor Tourism and MAH National, initiated its second Food Aid programme by organising a fund-raising drive for cash and kind. This was inspired by the success of their first CSR initiative with the support of Malaysian AEON Foundation under the capable leadership of the former President, Datin Yasmin Merican, who represented the community efforts of the AEON Group of Companies in Malaysia until April 2021. A total of 1,200 fellow hoteliers who lost their jobs due to the closures of many hotels in Malaysia, were grateful to receive the food and essential items for two months in April and May this year when pandemic was at its worst.

With its own MAH Cares programme and themed "Together We Deliver to our Fellow Hoteliers", MAH Selangor Chapter managed to raise RM90,000 through the generous contributions in cash and in kind from caring organisations such as Tourism Selangor, English Hotbread, Sama Sama Hotel KLIA, Acappella Suite Hotel, Dorsett Grand Subang, Silka Maytower, BMC Tours & Travel, MOTAC, Yeo Hiap Seng (Yeo's) and many kind-hearted individuals. A total of 880 food boxes were filled to the brim with daily essentials such as rice, eggs, cooking oil, milk powder, sardines, disposable Face masks, Yeo's Cintan Noodles, Yeo's cream sweet corn and packet drinks and many other essential items were distributed to the needy fellow hoteliers in Selangor and Putrajaya last week.

"The current situation has put so many livelihoods in jeopardy, and with the prolonged lockdowns and borders remaining closed for inter-state travels, it will continue to impact the hospitality industry and those who depend on this industry for their livelihood. Indeed, we are thankful that there are still very supportive organisations and individuals out there who empathise with the on-going situation and willingly stepped in to contribute towards our programme," said Datin Jasmine Abdullah Heng, Chairman of MAH Selangor Chapter.

"A big thank you to Tourism Selangor for their generous contribution and to the Board members of MAH both at the national level and the Selangor Chapter as well as to Francis Alberto at the Secretariat who have worked tirelessly in coordinating the distribution of the food aid boxes. Certainly, team work such as this during times of need makes a difference to the needy regardless of gender, race or nationality as we work together to advocate 'MAH Cares' to weather this storm together and continue to support our members and the industry as well as to work closely with the government to ensure the survival towards a steady recovery of the hotel industry," added Jasmine.

At the same time, MAH Selangor Chapter, apart from supporting and promoting the tourism campaign developed by Selangor Tourism, "Pusing Selangor Dulu" to create awareness and drive tourism to Selangor, is also working closely with MAH's Tourism Recovery Committee to formulate strategies that would drive the impending recovery of the tourism Industry in Malaysia.

Recognising that the road to recovery for the Tourism and hotel industry is still bumpy and uncertain with the Covid-19 situation and economic downturn in Malaysia, we sincerely hope that new government will urgently look into our appeal for support in term of promotional and marketing funding support for the hospitality industry, better discount or subsidies for hotels in electricity, wages, government levies, etc. to avoid more closures of hotels.

We also hope that all relevant stakeholders in the government will align with the hospitality players to work on the mission of reviving the hospitality industry which was one of the key economic drivers in Malaysia contributing 5.9 per cent to its GDP and employing close to a quarter of the workforce in Malaysia prior to the pandemic.

For more information, contact Francis Alberto, Secretariat, Malaysian Hotel Association Selangor Chapter, Tel: **0162013248/** email: **mahselangorchapter@gmail.com**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 24 September 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | China Press |
| Tajuk Berita | : | Together to fight the pandemic and protect seedling. |
| Muka Surat | : | 12 |



# 齊抗疫 護幼苗

国内青少年周四(23日)起接种新冠肺炎疫苗，各地家长伴随孩子们前往区内接种中心，好让孩子接种疫苗后，安心返回学校继续课业！

全国156所疫苗接种中心，开始让青少年登门接种首日，迎来大批父母带着孩子登门接种。部分接种中心的青少年因和预约者同步接种，以致现场人潮拥挤入口处，场面一度失控，但也即时获得疏缓。

虽然各区接种中心开放让青少年直接登门接种，但拥有一定限额，造成许多直接登门的青少年无法接种疫苗，只能扫码由现场人员提供的QR二维码，自行上网申请预约接种疫苗。

■報導：廖廷濠
■圖：本報攝影組、馬新社



## 青少年接種，安啦

这边厢人潮挤爆人口处，场面几乎失控，那边厢排队民众不多，井然有序；雪隆区周四（23日）开放让青少年接种首日，两大疫苗接种中心出现极端现象！

左上图为霹雳州江沙720名中学生，日前率先在江沙武吉墨朱中学礼堂接种首剂疫苗，学生守秩序排队，形成长长人龙。

在吉隆坡武吉加里尔Axiata体育馆疫苗接种中心（左下图），由于接获预约和直接登门的青少年皆有，人潮挤爆体育馆人口处，民众无法维持人身距离，场面几乎失控。

中下图为雪州八打灵再也市政厅疫苗接种中心，排队民众不多，现场未见混乱。

右上图为15岁的爱斯里陈（Ashley Chin，左），周四（23日）在母亲保玲邦（50岁）陪同下，前往槟城国际会展中心（SPICE CC）接种疫苗。爱斯里陈接种后，展示其注射疫苗的手臂。

◆畫頁：C封底
◆攝影：梁展維/李文源/李玉珍

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Guang Ming Daily |
| Tajuk Berita | : | Subang city council issued 30 summons for cars parked on sideways resulting in traffic congestion |
| Muka Surat | : | 4 |

## 道路兩旁車輛阻礙交通

# 梳邦市廳開30罰單

（八打灵再也23日讯）民众投诉在蒲种山庄比比4路（Jalan Pipit 4）路段左右两旁的车辆阻碍交通，并威胁道路使用者的安全，因此梳邦再也市政厅执法人员与沙登警方联手联展开取缔行动，发出82张献议罚单（Notis Tawaran Kompaun），以及30张交通罚单予违例驾驶人士！

梳邦再也市政厅于昨天早上约10时许，联合沙登警区总部，在上述地点展开阻碍交通执法行动（Operasi Halang Lalulintas）。

在此次取缔行动中，市政厅共发出82张献议罚单予没有将车子泊放在停车场的车主；沙登警区总部则针对阻碍交通，发出30张交通罚单。

对此，市政厅劝请公众遵守规则且勿无视交通指示牌，以保障他人的安全。（TSI）

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Guang Ming Daily |
| Tajuk Berita | : | Thief stole underground cable, telecom services affected for local residents, while pothole presents danger |
| Muka Surat | : | 4 |

# 小偷撬蓋盜地下電纜

## 影響居民通訊 留坑威脅安全

（瓜雪23日讯）电缆有价，窃小偷凌晨疑使用小型机器，撬开路面洋灰盖，将地底下马电讯（TM）电缆偷走，不只影响居民的通讯服务，所留下“大坑”更对居民的安全构成威胁。



■马电讯承包商地底下电缆被偷走，路面留下大坑洞，该承包商随后将展开维修的工作。

瓜雪市议员林耀明说，这起偷窃时间是于今日凌晨，在沙沙兰峇瓦布爹花园（Taman Bawal Putih）入口处的商业区前面所发生。

他披露，他今早接获民众的投诉，指路面的洋灰盖遭人挖开，怀疑是承包商凌晨展开工程而留下手尾，岂料他到场了解后，始知是小偷惹的祸。

“承包商不可能会在凌晨展开这类的工程，我立刻和马电讯的承包商到场了解情况，证实是路面底下的电缆人偷走。”

林耀明说，现场所见，共有3个洋灰盖（3X4尺）被撬开，地底下的电缆已被盗走，留下3个大洞，只要一不小心就会踩入坑内。

### 用小型机器才能撬开

他指出，经承包商查看，由于这些洋灰盖是非常牢固和紧贴路面的，一般人难以徒手将它挖开，所以猜测对方是使用小型机器，才能撬开洋灰盖。

他说，目前承包商已使用路障将坑洞围起来，以提醒经过的民众必须小心，随后将进行修补的工作，同时也会向警方报案。

另外，林耀明透露，虽然当地不是首次发生电缆被偷的案件，不过却是首次遭破坏得那么严重，而且是偷窃路面底下的电缆。

“花园的后方过去就曾发生电缆被偷的案件，但一般上都是柱子的电缆，而不是地底下的电缆。”

他指出，这次发生的地点是主要大道转入花园内商业区的道路，是个非常显著的地方，加上是商业区前面，万万没想到小偷那么胆大包



■林耀明希望瓜雪警方可以关注区内电缆被偷窃的案件。

天，同时也不排除小偷非常熟悉当地的环境。

林耀明吁瓜雪警方可以关注区内电缆被偷窃的案件，派员到这一带的花园巡逻，避免类似的案件再发生。

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Malaysia Nanban |
| Tajuk Berita | : | 96 religious teachers refuse get vaccinated? Selangor Sultan disappointed |
| Muka Surat | : | 3 |

# 96 சமய அதிகாரிகள் ஆசிரியர்கள் தடுப்பூசி போட்டுக் கொள்ள மறுப்பதா?

## சிலாங்கூர் சுல்தான் அதிருப்தி



கோலாலம்பூர், செப். 24-
சிலாங்கூர் மாநிலத்தில் தடுப்பூசி போட்டுக்கொள்ள மறுக்கும் 96 பேர் அடங்கிய சமய ஆசிரியர்கள் அதிகாரிகளின் பட்டியலை மேன்மை தங்கிய சிலாங்கூர் சுல்தான் சோதித்து வருவதாக அரண்மனையின் அறிக்கை ஒன்று தெரிவித்தது.

மொத்தம் 203 பேர் பங்கு கொண்ட தடுப்பூசி திட்டத்தில் 96 பேர் அது தங்களுக்கு வேண்டாம் என்று மறுத்து விட்டனர். இவர்கள் யார்? எந்தெந்த பள்ளிவாசல் அதிகாரிகள் என்பதை பார்த்து அடுத்த கட்ட நடவடிக்கையை சுல்தான் முடிவு செய்வார் என்று அந்த அறிக்கை தெரிவித்தது.

சமய ஆசிரியர்கள், அதிகாரிகள், பள்ளி வாசல் அதிகாரிகள் என தொடங்கப்பட்ட தடுப்பூசி திட்டத்தில் 873 பேரில் 3 இல் ஒரு பகுதிக்கு குறைவானவர்களே தடுப்பூசி போட்டுக் கொண்டிருக்கிறார்கள் என்பது ஒரு வருந்தத்தக்க செய்தி என்றார் அவர்.

இத்தகைய பிடிவாதமும் தடுப்பூசியை புறக்கணிக்கும் தன்மையும் மற்றவர்களுக்கு ஆபத்தை கொண்டுவருவதானது இவர்களிடம் படிக்கும் பிள்ளைகளுக்கும் அது ஆபத்தை ஏற்படுத்தும். சிலாங்கூர் மாநிலத்தில் உள்ள முஸ்லிம்கள் முழு நலத்துடன் விளங்க வேண்டும் என்று நான் விரும்புகிறேன் என்று சுல்தான் கூறுகிறார்.

தடுப்பூசி போட்டுக் கொண்ட சமய ஆசிரியர்கள், பள்ளி வாசல் அதிகாரிகள் மீண்டும் தங்கள் சமயக் கல்வியை தொடங்க அனுமதிக்கப்படுகிறார்கள். தடுப்பூசி செலுத்திக் கொள்ளாவிட்டால் அவர்கள் தங்கள் கடமையிலிருந்து தடைசெய்யப்படுவர் என்று சிலாங்கூர் சுல்தான் எச்சரித்திருந்தார்.